

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 FEBRUARY 2017

Hairan Dr. Mahathir percayakan DAP?

um-3/2/2017

Oleh ZULKIFLI JALIL

pengarang@utusan.com.my

HAIRAN juga mengapa Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) beria-ia benar mahu bersekutu dengan DAP.

Bukankah orang Melayu memang tiada ruang langsung dalam parti itu?

Takkanlah PPBM yang diketuai dua 'kepala' yang kaya pengalaman iaitu pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak pantau siapa yang isi jawatankuasa tertinggi pusat (CEC) DAP?

Perebutan jawatan anggota CEC itu pada 15 Disember 2012 menyaksikan kesemua lapan pemimpin DAP Melayu bertanding tersingkir apabila kalah dengan keputusan teruk.

Ini termasuklah Zairil Khir Johari, yang berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Guan Eng. Zairil cuma memperoleh 305 undi. Calon lain yang disingkir ialah Zulkifli Mohd Noor, Senator Ariffin S.M Omar, Ahmad Ton, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, Roseli Abdul Ghani

ANALISIS



dan Harun Ahmad.

Jadi, mengapa PPBM perlu melutut kepada DAP? Khabar terbaharu yang hinggap di telinga akhbar ini pula ialah situasi dalam mesyuarat ahli jawatankuasa DAP Pulau Pinang bulan lalu.

Dikatakan mesyuarat yang dihadiri rata-rata puak DAP ini tidak percaya langsung kepada Dr. Mahathir dan PPBM.

Bahkan, DAP enggan bertolak ansur dengan PPBM dalam isu pengagihan kerusi pilihan raya umum ke-14 (PRU-14).

Dalam mesyuarat di George Town itu, ada kalangan mereka mempersoalkan bagaimana bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim memperoleh maklumat pertemuan antara penasihat parti itu, Lim Kit Siang dan Dr. Mahathir. Lebih pelik lagi tahu pula butiran perbincangan.

Dikatakan mesyuarat yang dihadiri rata-rata puak DAP ini tidak percaya langsung kepada Dr. Mahathir dan PPBM."

Tunku Abdul Aziz sebelum itu mendakwa, tanpa pengetahuan parti sekutu lain terutama PKR, kedua-dua pemimpin itu membuat perjanjian rahsia. Yakni, andai pakatan harapan memang PRU-14, Datuk Seri Mukhriz bakal dilantik Perdana Menteri manakala Kit Siang sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, mesyuarat terbabit diredakan untuk memberi peluang kepada PPBM bertanding di kawasan Felda sahaja.

DAP pula dikatakan akan bertanding di kawasan separa bandar kali ini.

Dr. Mahathir oh! PPBM, mengapa masih percayakan DAP?